

## **1032- PEMIKIRAN UNDANG-UNDANG MUNAKAHAT MENERUSI KARYA MELAYU KLASIK**

**NOR AZMAWATI BINTI ABDUL AZIZ**

Kuliyah Syariah dan Undang-Undang  
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

**MOHD ROZAIDI BIN MOHD ROSLI**

S.K Bandar Darulaman Jitra, Kedah

### **ABSTRAK**

*Pemikiran adalah suatu sudut pandangan, kelakuan, buah fikiran, idea, tingkah laku atau manuskrip penulisan dan lain-lain yang mencakupi aspek kehidupan dan sosio-budaya sesuatu masyarakat. Manakala undang-undang adalah peraturan dan panduan cara hidup yang didokumentasikan, diwartakan dan digunakan sebagai rujukan dalam perjalanan hidup kita, yang mana ianya boleh dibahagikan mengikut dua bahagian iaitu undang-undang sivil mahupun undang-undang shari'ah. Dalam penulisan kali ini, ia mengkhususkan aspek-aspek pemikiran undang-undang kekeluargaan Islam iaitu munakahat menerusi karya klasik melayu yg ditulis oleh tokoh-tokoh agamawan melayu klasik. Antara karya teks klasik yg mengandungi pemikiran undang-undang keluarga Islam adalah seperti kitab Kifayatul Qhulam, Sulam Al-Mubtadi dan 'Unwanul Falah wa 'Unfuan Solah serta banyak lagi. Penulis akan mengupas dua daripada karya teks klasik melayu berikut.*

***Kata Kunci:** Melayu, klasik, pemikiran, undang-undang, munakahat.*

### **PENDAHULUAN**

Islam telah bertapak di Melayu Nusantara sejak berabad lama. Hakikatnya ianya boleh ditelusuri di dalam proses pengislaman rantau Alam Melayu. Selari dengan kedatangan Islam ke Alam Melayu, proses pembudayaan ilmu turut menjadi teras peradaban Nusantara. Proses ini berkembang lancar melalui beberapa fasa. Pada peringkat awal, usaha pendakwaan dipelopori oleh ulama dari Tanah Arab, kemudian berlaku peralihan tugas melalui proses perkaderan ulama tempatan, akhirnya ulama tempatan membentuk jaringan ulama Timur Tengah-Nusantara (Ramli, M. A., Jamaluddin, M. A., Rosele, M. I., & Sidik, M. A., 2020). Tanpa disempadani oleh batasan geografi, ulama Melayu kita ini bebas untuk mengembangkan ilmu dan karya-karya mereka ke rantau umat Islam di seluruh dunia. Tidak dinafikan khazanah ilmuwan ulama Melayu Klasik ini berada di dalam pelbagai disiplin ilmu antaranya ilmu fiqh, akidah, tasawuf dan sebagainya.

Khazanah keilmuan ini dapat ditelusuri dalam bentuk manuskrip ataupun kitab-kitab kuning penulisan ulama Melayu klasik yang mana melalui proses sosialisasi yang panjang, ianya dapat membentuk pemikiran masyarakat waktu itu yang berpegang teguh dengan syariat Islam (*religious society*). Dalam disiplin ilmu fiqh, terdapat ramai ulama yang menyumbang ke arah pembangunan ilmu dan karya yang bersesuaian dengan lenggok bahasa dan budaya masyarakat Melayu Nusantara. Di antara mereka adalah Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari, Syeikh Daud al-Fatani, Syeikh Abdul Samad al-Palembani dan sebagainya. Karya-karya mereka telah memberi sumbangan yang besar dalam setiap aspek kehidupan dan

ia masih menjadi rujukan di rantau Alam Melayu hingga kini. Antara sumbangan mereka contohnya seperti karya klasik yang telah diterbitkan di dalam Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 27, 2016 menceritakan pembentukan asas *taharah* (bersuci) daripada hadas kecil dan besar hinggalah kepada membentuk budaya makanan halal dalam masyarakat Islam melayu (Mohd Aizat, 2014).

Melalui penulisan ini, sebuah pemikiran yang berkaitan undang-undang munakahat cuba dilihat aspeknya melalui sumbangan penulisan para ulama dalam karya melayu klasik sedia ada yang mana pemikiran itu adalah bersifat dinamik dan terus berkembang dengan variasinya yang kompleks. Hal ini dapat dilihat sama ada dalam bentuk tradisi *matan* (teks isi), *syarah* (huraian), *hasyiyah* (anotasi), *mukhtasar* (ringkasan), *ta'liq* (komentar) atau *tahqiq* (suntingan). Lanjutan dari tradisi pemikiran ini, para ulama Melayu klasik memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan karya-karya berbahasa Arab dan jawi sebagai medium sosialisasi ajaran Islam (Ramli, M. A., Jamaluddin, M. A., Rosele, M. I., & Sidik, M. A., 2020). Hasil kegigihan ulama Melayu klasik, syariat Islam umumnya dan ilmu fiqh khususnya dapat berkembang pesat dalam khalayak masyarakat Melayu dan ia menjadi asas serta panduan dalam setiap aktiviti harian mereka.

## **MUNAKAHAT DALAM ISLAM**

Menyentuh kepada undang-undang Munakahat pada ketika itu, pelbagai definisi, tatacara berkaitan perkahwinan telah diberikan oleh para sarjana (ulama) Islam, antara yang terpilih ialah: suatu akad yang menghalalkan pergaulan di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang bukan mahram dan menimbulkan hak serta kewajipan antara kedua-dua mereka (Mat Saad Abd.Rahman, 1993).

Manakala dalam pengertiannya yang lebih luas perkahwinan adalah suatu ikatan lahir di antara dua orang, lelaki dan perempuan untuk hidup bersama di dalam sebuah rumahtangga di samping melahirkan zuriat sebagai meneruskan kelangsungan hidup manusia menurut batas-batas (disiplin) hak dan tanggungjawab yang telah ditetapkan oleh syarak (Mat Saad Abd. Rahman, 1993).

Perkahwinan atau nikah dari segi bahasa iaitu termonolgi ialah himpunan, pengumpulan, percantuman, persetubuhan dan akad (Muhammad Qasim al-Ghazzi, 1970). Nikah dari segi bahasa diertikan juga sebagai menindas, setubuh dan senggama (A.W. Munawwir, 2020). Di antara ulama ushul berkembang tiga pandangan atau pendapat tentang erti lafaz nikah; Menurut golongan *Hanafi* nikah menurut asalnya adalah setubuh dan menurut erti *majazi* (metaforis) adalah akad yang dengan akad ini menjadi halal hubungan kelamin antara lelaki dan perempuan. Manakala menurut golongan Syafi'e pula nikah menurut erti asalnya ialah akad yang dengan akad ini menjadi halal hubungan kelamin antara lelaki dan perempuan, sedangkan menurut erti *majazi* ialah bersetubuh (Abdul Rahman al-Jaziri).

Nikah dari segi syarak (analogi) pula bererti suatu akad yang menghalalkan pergaulan dan membatasi hak-hak kewajipan serta tolong menolong antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang di antara keduanya bukan mahram (Sulaiman Rasjid, 1976). Dari segi syarak pula ialah satu akad yang mengandungi rukun-rukun dan syarat-syarat tertentu untuk mengharuskan pergaulan dan menghalalkan persetubuhan (Mustafa al-Khin, 1992).

## **KARYA MELAYU KLASIK MENERUSI PEMIKIRAN MUNAKAHAT**

Antara karya melayu klasik yang mengandungi pemikiran undang-undang keluarga Islam yang dikupaskan dalam penulisan ini adalah karya kitab *Kifayatul Qhulam fi Bayani Arkanil Islam wa Shuruthi* yang diterbitkan oleh cetakan *Bin Harabi* di Pattani Thailand. Penulis kitab ini merupakan seorang ulama terkenal iaitu Sheikh Ismail Al-Minangkabawi yang nama lengkapnya adalah Ismail bin Abdullah al-Khalidi al-Minangkabawi. Sedangkan sebutan kehormatannya adalah al-Alim al-Fadil al-Hammam al-Kamil Shahib al-Wilayah al-Karomah. Beliau merupakan sheikh tarikat *Naqsabandiyah* dari Sumatera Barat. Beliau sendiri berasal dari Simabur, Batu Sangkar, dan pernah menjadi guru kepada Sultan Riau, Sultan Muhammad Yusuf al-Khalidi an-Naqsabandi dari tahun 1858 hingga tahun 1899. (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1997).

Walaupun dalam kitab ini terdapat hukum-hukum lain tetapi apa yang cuba diketengahkan dalam penulisan ini ialah kepada cara pemikiran hukum munakahat tersebut dikupas melalui fasal-fasal yang terdapat padanya. Di dalam pemikiran munakahat yang cuba disampaikan oleh ulama ni dinyatakan di dalam dua fasal iaitu bab nikah dan syaratnya serta bab mereka yang diharamkan bernikah sesama mereka.

Di dalam fasal pertama, dinyatakan tentang permulaan nikah itu adalah dengan enam syarat wali nikah. Pertama mestilah seorang wali itu beragama Islam, kedua seorang yang *baligh*, ketiga seorang yang berakal, keempat seorang lelaki, kelima merdeka dan keenam seorang yang 'adil. Keenam-enam syarat ini diterangkan setiap satunya dengan penerangan yang jelas. Kemudian ianya bersambung dengan kupasan yang berkaitan rukun nikah iaitu lima perkara. Pertama adalah lafaz nikah, kedua mempunyai dua orang saksi, ketiga mempunyai wali, keempat seorang suami dan kelima seorang isteri. Maka dengan itu, sempurnalah rukan kepada pernikahan itu.

Manakala dalam fasal kedua, dinyatakan mereka yang dikategorikan haram dengannya bernikah atas sebab nasabnya. Ianya dibahagikan kepada tujuh orang iaitu ibu dan neneknya, kedua ialah anak dan cucunya, ketiga saudara seibu sebapa atau saudara seibu atau sebapa, keempat anak dan anak saudara lelaki, kelima anak saudara perempuan, keenam saudara bapa yang perempuan dan ketujuh saudara ibunya yang perempuan. Di dalam karya klasik ini, ianya hanya menekankan kepada maksud atau definisi kepada perhubungan nikah tersebut dalam menghalalkan hubungan antara seorang lelaki dan perempuan.

Hal ini berbeza jika dibandingkan pemikiran undang-undang munakahat menerusi karya *Sulam al Muftadi fi Maqrifati Thoriqoh al-Muftadi* yang dikarangkan oleh Sheikh Daud al Fatani. Nama sebenar beliau ialah Syeikh Wan Daud bin Wan Abdullah bin Syeikh Wan Idris al-Fatani. Dilahirkan di Kerisik, Pattani pada tahun 1187H, bersamaan 1769M. Beliau meninggal dunia pada tahun 1265H atau 1791M. Beliau berasal dari kalangan keluarga ulama' dan beliau banyak menghasilkan buku iaitu sebanyak 58 buah dalam pelbagai bidang ilmu (Anida Hassan, 2013). Di dalam penulisannya, terutama dalam penulisan feqah, beliau banyak mengemukakan pendapat ulama' mazhab Syafie dan sangat sedikit mengemukakan pandangan dari mazhab lain. Beliau juga tidak banyak mengemukakan persoalan khilafiah, yang boleh menggelirukan masyarakat. Manakala, di dalam penulisan *usuluddin* beliau mengemukakan pandangan-pandangan ulama' ahli Sunnah wal Jamaah.

Penulisan menerusi karya ini diterangkan di dalam bab *Kitab An Nikah*, ianya dipecahkan kepada beberapa fasal yang bermula dengan hukum sah nikah, kedua fasal yang berkaitan

perkara-perkara yang diharam nikah iaitu tujuh perkara. Ketiga fasal berkaitan *mahar* di dalam akad nikah. Keempat tentang hak-hak dan tanggungjawab yang perlu diketahui sekiranya beristeri lebih daripada seorang. Kelima fasal berkaitan talaq ataupun perceraian yang mana fasal talaq ini dinyatakan sebab-sebab yang membolehkan sesuatu perkahwinan itu terbatal, bentuk-bentuk talaq dan kesan-kesan talaq dalam perkahwinan. Kemudian ianya disudahi dengan fasal *zihar* (menyamai isteri) yang boleh memberi implikasi kepada hubungan sesebuah perkahwinan. Turut dinyatakan juga kaedah-kaedah pembuktian perundangan dalam penghakiman *zihar*.

Apa yang dapat disimpulkan di dalam penelitian pemikiran ulama kepada karya ini adalah ianya lebih mencakupi keseluruhan aspek undang-undang perkahwinan yang perlu diketahui oleh sosio masyarakat ketika itu sebagai panduan hidup mereka dan jika dilihat kepada dua penulisan karya melayu klasik ini, kupasan yang ditulis di dalam karya *Sulam al-Mubtani* ini adalah lebih mencakupi maksud atau definsisi munakahat seperti yang diterangkan sebelum ni iaitu merangkumi permulaan hubungan lelaki dan perempuan serta hak-hak dan tanggungjawab yang wujud di dalam hubungan perkahwinan tersebut.

Selain itu, kebanyakan karya-karya ulama Melayu Nusantara ini masih menjadi rujukan dalam masyarakat kita dan diajar di masjid-masjid serta surau. Karya-karya dan pemikiran mereka juga menjadi bahan penyelidikan di universiti tempatan dan luar negara. Sesungguhnya pemikiran mereka di dalam cabang ilmu terus tersebar dan digunapakai sehingga hari ini.

## RUJUKAN

- Ramli, M. A., Jamaluddin, M. A., Rosele, M. I., & Sidik, M. A. (2020), Sumbangan Ulama Melayu Klasik Dalam Pembinaan Kearifan Tempatan Di Alam Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 27(1), 180–198
- Mohammad Aizat Jamaludin & Mohd Anuar Ramli (2014), Pengambilkiraan Nilai Setempat (al-'Urf) dalam Penetapan Hukum Islam Terhadap Makanan Halalan Tayyiba. *International Journal of Social Policy and Society*, UPM, 10(1): 73-88
- Mat saad Abd. Rahman, Prof madya,Dr.(1993), Undang-Undang keluarga Islam, aturanPerkahwinan, Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa, Shah Alam: HIZBI SDN BHD; hal.17
- Muhammad Qasim al-Ghazzi (1970), *Sharh Fath al-Qarib al-Mujib 'Ala al-Kitab al-Musamma Bi al-Taqrīb*, juz 4, Mesir: Mustafa al-Babi al –Halabi, hal.43
- A.W.Munawwir, (2002), *Kamus al-Munawwir Arab- Indonesia Terlengkap*, cet.XXV, Surabaya; Pustaka Progressif, hal.1461
- Abdul Rahman al-Jaziri, (t.t), *Al-Fiqh 'Ala Al-Madhahib Al-Arba'ah*, Juz IV, Beirut: Dar al-Fikr, hal.1-3
- Sulaiman Rasjit, H. (1976), *Fiqh Islam*, Jakarta; Penerbit Attahiriyyah, hal.355
- Mustafa al-Khin; Dr., (1992), *Fiqh al-Manhaji 'Ala MAzhab al-Imam al-Syafi'e*
- Anida Hassan (2013). "Biografi Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fatani dan Metodologi penulisan Kitab Furu' Al-Masail" (PDF). *Universiti Malaya*. Dicapai pada 2 November 2021.
- Abdul Rahman Haji Abdullah (1997). *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Gema Insani. ISBN 978-979-561-430-2. pp.53.